



PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI

TERTIAKY EDUCATION SPONSORSHIP PROGRAMME (TESP)

TESP 2024

20 Mac 2024 Sehingga 1 April 2024

Terbuka kepada pelajar lepasan Asasi / Matrikulasi / Persediaan / Diploma / A - Level / IB untuk peringkat ijazah pertama bagi IPT dan Kursus terpilih **dalam negara** sahaja.

Permohonan Secara Dalam Talian



Sila layari <https://educationloan.mara.gov.my>

Bahagian Penganjuran Pelajaran, Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA
21 Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur



Majlis Amanah Rakyat

MAKLUMAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di Portal MARA melalui pautan:
<https://educationloan.mara.gov.my> pada **pada 20 Mac 2024 hingga 01 April 2024, 11.59 malam.**

Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat umum dan syarat akademik yang ditetapkan.

Permohonan dengan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.

SYARAT UMUM

Pemohon serta salah seorang ibu atau bapa bertaraf **Bumiputera**



Warganegara Malaysia.

Ibu dan bapa/penjaga serta pelajar **tidak disenarai hitam** oleh MARA.



Tidak pernah menerima pinjaman bagi peringkat pengajian yang sama.

Memenuhi syarat kelayakan Status Sosio-Ekonomi (SES) keluarga



Bagi pemohon yang mempunyai masalah kesihatan, pemohon perlu mendapatkan pengesahan dari doktor bertauliah bahawa pemohon adalah sihat dan boleh melanjutkan pengajian.



Had umur pemohon adalah **tidak melebihi 40 tahun** semasa permohonan dibuat.

KATEGORI KELAYAKAN	PENDAPATAN BULANAN	PENDAPATAN BERCUKAI TAHUNAN
Yuran & Elaun Sara Hidup	RM12,000 dan ke bawah	RM150,000 dan ke bawah
Yuran sahaja	RM12,001 – RM20,000	RM150,001 – RM250,000

Nota: Pengecualian syarat SES bagi pengajian dalam bidang Perubatan dan Pergigian sahaja.

SYARAT AKADEMIK

Pelajar Baharu

- Mendapat CGPA ≥ 3.00 di peringkat Asasi / Matrikulasi / Persediaan / Diploma / A - Level & IB

Pelajar Sedia Ada

- Mendapat CGPA ≥ 3.00 bagi semester terdahulu; DAN
- Mempunyai baki tempoh pengajian tidak kurang dari satu (1) tahun



Lain-Lain Syarat

- Lulus dengan kepujian dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat SPM.
- Kelayakan akademik bagi program Perubatan, Pergigian dan Farmasi mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Badan-Badan Profesional.

CARA MEMOHON

Permohonan dibuka secara dalam talian (online) melalui pautan <https://educationloan.mara.gov.my> pada tarikh yang telah ditetapkan. Calon hendaklah memastikan maklumat lengkap telah diisi. **Calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan serta perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.**

Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap **tidak berjaya** dan keputusan adalah **muktamad**.

Sebarang pertanyaan mengenai program dan masalah teknikal boleh dibuat dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 4.30 petang melalui emel ke alamat;

- tespua@mara.gov.my (*bagi permohonan di IPTA*)
- tespipts@mara.gov.my (*bagi permohonan di IPTS*)
- tespglugmi@mara.gov.my (*bagi permohonan di GLU dan GMI*)
- tespunikl@mara.gov.my (*bagi permohonan di UniKL*)
- tespkptm@mara.gov.my (*bagi permohonan di KUPTM/KPTM*)

BIDANG DAN SUB BIDANG TERPILIH

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti mana senarai mengikut universiti yang tertera dalam garis panduan sahaja.



EDUCATION

Bahagian Penganjuran Pelajaran
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur

**Keusahawanan
& Pendidikan *Global***
Majlis Amanah Rakyat